

Mahathir terpaksa berterus terang

Oleh Rosnah Majid

UCAPAN lima menit terakhir Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya mencuri sebahagian besar perhatian para perwakilan dan pemerhati UMNO daripada kandungan ucapan satu jam dua puluh lima menit.

Beberapa soalan telah timbul darinya. Pertama, apakah Datuk Sri Dr. Mahathir patut menyebut, "bersama-sama dengan Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, satu team yang berkesan telah diwujudkan...dan saya mengucapkan terima kasih kepada perwakilan 1981 yang memilih seorang Timbalan Presiden yang boleh bekerjasama sebagai satu team dengan saya" dalam ucapan dasarnya?

Kedua, jika pun mahu disebutkan apakah ianya perlu dinyatakan secara terus terang atau lebih baik secara 'subtle'? Ketiga, sebagai presiden parti, apakah beliau patut memihak? Dan keempat, apakah kelmarin itu merupakan masa yang sesuai untuk Datuk Sri Dr. Mahathir berbuat demikian?

Para perwakilan dan pemerhati UMNO mempunyai pendapat yang berbagai-bagai mengennainya. Ada yang berpendapat memang tepat masa, tempat dan perkara demikian dinyatakan secara yang dipilih oleh Datuk Sri Dr. Mahathir.

Ada pula yang berkata lebih baik bagi Datuk Sri Dr. Mahathir menyebutnya secara 'subtle' kerana itu lebih sesuai dengan cara orang-orang Melayu.

Dan tidak kurang pula yang mengatakan mereka tidak menyangka Presiden UMNO akan menyebut perkara tersebut dalam ucapan dasarnya itu.

Kalau kita meneliti ucapan beliau sejak beberapa bulan terakhir ini, jelas nampak yang beliau sangat bimbang akan perpecahan UMNO.

Beliau telah menyebut hal ini di Hulu Kelantan dan di Kedah. Juga dalam temuramah khas sempena ulang tahun kedua beliau sebagai Perdana Menteri.

Tetapi kesan yang ada dari ucapan-ucapan tersebut tidak jelas. Maka mahu tidak mahu, beliau terpaksa mengambil kesempatan yang terbaik, iaitu dalam perhimpunan agung tahunan UMNO tahun ini untuk meletakkan "brake", kepada perbuatan memecahkan parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir ternyata mempunyai peluang ini sahaja untuk bertindak. Beliau tidak boleh menunggu tahun depan kerana jika beliau cuba menyekat tahun depan ianya akan terlambat.

Memandangkan telah beberapa kali beliau memberi 'hint' tentang kebimbangannya mengenai perpaduan UMNO, tetapi kurang berkesan, maka kali ini, dalam perhimpunan yang demikian penting, di hadapan perwakilan dari kesemua 114 bahagian UMNO, beliau terpaksa berterus terang. Cara 'subtle' sudah terbukti kurang berkesan.

Dan dari kata-katanya, ternyata cabaran yang dihadapi beliau dalam mengendalikan parti dan negara, memerlukan seorang rakan yang dapat bekerjasama. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat disangkal lagi di mana pemimpin nombor satu memerlukan orang yang sehaluan dengannya untuk bekerja.

Jadi walaupun sebagai presiden, ada pihak yang berpendapat beliau tidak patut menunjukkan pendirian yang memihak, tetapi ternyata beliau bertindak mempertahankan timbalan presidennya, yang telah diputuskan tahun lalu oleh para perwakilan UMNO sendiri.

Ini menunjukkan yang Presiden UMNO dan Perdana Menteri lebih pentingkan kestabilan parti lebih dari segala-galanya. Inilah pesannya yang terpenting kepada ahli-ahli UMNO.

Sungguh pun dalam amalan demokrasi, sebarang kerusi boleh dipertandingkan, tetapi demi menjaga kestabilan, tradisi parti perlu dihormati, iaitu jika dapat, kerusi presiden dan timbalan presiden tidak menjadi rebutan yang boleh membawa kehancuran kepada parti.

Jika dilihat kepada sejarah UMNO, hanya sekali kerusi presiden dipertandingkan iaitu pertandingan yang dihadapi oleh Tun Hussein Onn. Sementara kerusi timbalan presiden hanya dua kali dipertandingkan iaitu Allahyarham Tun Razak bertanding dengan Allahyarham Tun Dr. Ismail serta pertandingan tahun 1981 di mana Tengku Razaleigh Hamzah bertanding dengan Datuk Musa Hitam.

Kedua-dua pertandingan sebelum 1981 berakhir dengan semua pihak menerima keputusan perwakilan. Jadi ucapan Presiden UMNO sebenarnya adalah antara lain menyeru semua pihak menerima keputusan 1981 juga.